

Pelik Seri Kembangan masih banjir

SERI KEMBANGAN – Ketua Pusat Perkhidmatan Dan Penyelarasan MCA Parlimen Serdang, Datuk Yap Pian Hon mempersoalkan sama ada projek penebatan banjir bernilai hampir RM9 juta yang diumumkan dua tahun lalu sudah dilaksanakan atau sebaliknya.

Menurutnya, beliau pelik dengan kejadian banjir kerap berlaku di Seri Kembangan kebelakangan ini meskipun wakil rakyat sudah mengumumkan pelaksanaan projek itu sebelum ini.

“Saya nak tanya projek untuk atasi masalah banjir di kawasan Seri Kembangan yang diperkatakan sebelum ni dah dilaksanakan atau belum? Kalau dah, meng-

apa banjir masih berlaku,” katanya.

Beliau berkata, rakyat perlu tahu kerana tidak sanggup menderita setiap kali rumah diduduki dinaiki air.

Katanya, dalam kejadian petang Isnin lalu, puluhan rumah di Seksyen 5 dan Jalan Kuyoh Kampung Baru Seri Kembangan dinaiki air.

Peniaga di Pusat Perdagangan Seri Kembangan turut terjejas apabila banjir lumpur melanda kawasan komersil itu.

“Yang ni pun saya pelik juga. Sebelum ni mereka kata dah bina kolam takungan air dan naik taraf perparitan dengan kos hampir RM4 juta. Tapi bila hujan, air naik lagi,” katanya.



Puluhan rumah di Seksyen 5 dan Jalan Kuyoh Kampung Baru Seri Kembangan dinaiki air petang Isnin lalu.